

Lanjutan subsidi upah lebih baik dari lanjutan moratorium pinjaman

Malaysiakini

22 Julai 2020

Jamari Mohtar & Amir Jalal

ULASAN | Melanjutkan tempoh Program Subsidi Upah (PSU) kepada tiga bulan lagi bagi syarikat-syarikat yang masih menghadapi masalah aliran tunai setelah tamatnya program tersebut adalah pilihan lebih baik daripada melanjutkan moratorium pinjaman enam bulan kerana PSU ternyata sangat berkesan dalam melindungi rakyat dari hilang pekerjaan.

Oleh kerana sebahagian besar penangguhan (moratorium) pembayaran pinjaman berjumlah RM38.4 bilion melibatkan individu berbanding RM19.3 bilion yang melibatkan perniagaan, kita boleh mengandaikan sebab utama gesaan agar moratorium dilanjutkan adalah kebimbangan rakyat akan kehilangan pekerjaan, menghadapi pemotongan gaji atau mendapat cuti tanpa gaji.

Dalam ucapan yang disiarkan secara langsung Isnin lalu, Perdana Menteri Muhyiddin Yassin mengatakan sekitar 65% isi rumah telah mendapat manfaat

daripada penangguhan pembayaran pinjaman berjumlah RM38.4 bilion.

Beliau juga berkata lebih dari 2.75 juta pekerjaan telah berjaya dikekalkan melalui pelaksanaan PSU serta program pengekalan pekerja di bawah pakej rangsangan Prihatin dan Penjana.

"Tambahan pula, lebih 800,000 perniagaan, termasuk perniagaan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah mendapat manfaat dari pakej tersebut," katanya lagi.

Kebimbangan mengenai ketidakpastian akan berlakunya suasana rudum pada masa yang terdekat telah menyebabkan sebahagian besar individu yang tidak memerlukan moratorium untuk mengikut serta demi menabung untuk hari-hari sukar kerana 90% peminjam telah memanfaatkan moratorium tersebut, menurut satu tinjauan Badan Kaunseling Kredit dan Pengurusan Hutang (AKPK).

Penabungan untuk hari-hari sukar itu diperkukuhkan lagi apabila tinjauan itu juga mendapati hanya 21% yang menyertai moratorium menggunakannya untuk keperluan harian berbanding 48% yang menggunakannya kerana ingin menabung bagi mengumpul dana kecemasan untuk masa-masa sukar.

Namun, dalam keadaan perkembangan ekonomi masa kini, apa yang diperlukan

bukanlah tabungan untuk mengumpul dana kecemasan; sebaliknya yang penting adalah perbelanjaan bagi mendorong peningkatan penggunaan yang merupakan salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada masa kemelesetan yang dijangka muncul akibat wabak Covid-19.

Dan pastinya rakyat akan berbelanja sewajarnya jika kebimbangan mereka mengenai kehilangan pekerjaan, potongan gaji atau mendapat cuti tanpa gaji ditenangkan melalui tindakan seperti melanjutkan (PSU).

Apa yang menarik mengenai pelaksanaan PSU adalah tidak seperti moratorium yang bersifat automatik, seorang majikan hanya perlu memohon pada bila-bila masa dari 1 April hingga 30 September untuk menyertai PSU, dengan subsidi gaji dibayar mulai bulan permohonan dikemukakan.

Ini bermakna syarikat yang bermohon pada September sebelum tarikh akhir 30 September, setelah diluluskan, akan mendapat subsidi gaji enam bulan dari September hingga Februari 2021.

Ini juga bermakna PSU tidak akan menyaksikan longgokan pelaksanaan bermula serentak pada bulan yang sama kerana syarikat-syarikat yang dapat bertahan dalam berdepan masalah aliran tunai ekoran perintah kawalan pergerakan (PKP) tidak akan bermohon pada April kerana mereka boleh memohon kemudian,

katakan pada Jun, yang seterusnya bermakna subsidi upah akan dibayar kepada mereka dari Jun hingga November.

PSU adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap syarikat untuk setiap pekerja tempatan yang memperoleh gaji RM4,000 setiap bulan dan ke bawah. Pada mulanya, subsidi itu adalah untuk jangka masa tiga bulan, tetapi kemudian dilanjutkan sehingga enam bulan.

Mulai 15 Jun, program pengkalan pekerjaan (ERP) digabungkan di bawah PSU, lantaran itu merangkumi pekerja yang telah diarahkan untuk mengambil cuti tanpa gaji, dengan syarat mereka bekerja di sektor pelancongan atau sektor lain yang masih dilarang beroperasi semasa PKP Pemulihan.

Dalam hal ini, isunya adalah mengelakkan kehilangan pekerjaan yang ramai. Rakyat akan mendapat manfaatnya berbanding moratorium yang merupakan penangguhan kewajipan ke satu hari yang lain di mana manfaatnya akan dinikmati oleh mereka yang sukar memenuhi kewajipan membayar pinjaman akibat wabak Covid-19.

Menurut Menteri Kewangan, Tengku Zafrul Abdul Aziz, pembayaran pinjaman tertunda di bawah moratorium dianggarkan mencecah RM55.2 bilion sehingga 13 Julai.

Melanjutkan moratorium hingga enam bulan lagi hanya akan meningkatkan jumlah pinjaman tertunda dan membebankan industri perbankan yang telah memainkan peranan mereka sebelum ini dengan menyetujui untuk melepaskan pembayaran faedah kompaun dalam moratorium enam bulan.

Ia juga akan membebankan mereka yang memilih untuk melanjutkan penangguhan moratorium dengan kewajiban masa depan untuk membayar hutang tertangguh 12 bulan kemudian terutama apabila mereka mampu memilih tidak melanjutkan tempoh penangguhan.

Lantaran itulah, Zafrul telah mengesyorkan jika moratorium dilanjutkan, ia harus dilakukan berdasarkan kes tertentu yang disasarkan kepada mereka yang benar-benar mengalami kesulitan untuk memenuhi kewajiban membayar pinjaman tertunda mereka. Dan tempoh lanjutan itu pula tidak semestinya enam bulan kerana ia bergantung kepada keadaan peminjam bermasalah.

Semoga industri perbankan dapat sekali lagi memainkan peranan melepaskan bayaran faedah kompaun oleh kumpulan sasar para peminjam yang menghadapi kesulitan dalam keadaan mencabar ini.

Lagipun, bank sememangnya mampu bermurah hati dengan penglibatan jumlah peminjam yang agak sedikit.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/535649>